(4) Dalam seksyen ini, “syer biasa” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 44(5c) Akta ibu.

Pemotongan Jadual 4A

34. Akta ibu dipinda dengan memotong Jadual 4A.

Pemotongan Jadual 4c

35. Akta ibu dipinda dengan memotong Jadual 4c.

Pindaan Jadual 6

36. Jadual 6 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan 32, dengan menggantikan perkataan “six” dengan perkataan “ten”; dan

(b) dalam perenggan 35, dengan memasukkan selepas perkataan “Interest” perkataan “or discount”.

Pindaan Jadual 7A

37. Jadual 7A Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 6 perenggan yang berikut:

“6A. Where in the case of a business of a person the basis periods for two years of assessment overlap, the period common to those periods shall be deemed for the purposes of this Schedule to fall into the earlier of those periods and not into the later of those periods.”.

Peruntukan kecualian dan peralihan

38. Jika mana-mana orang—

(a) telah membuat suatu pilihan yang berkenaan dengan suatu perbelanjaan modal yang dilakukan bagi maksud suatu projek pertanian yang diluluskan di bawah Jadual 4A; atau

(b) telah diberikan suatu kelulusan berkenaan dengan suatu projek pengeluaran makanan di bawah Jadual 4c,

sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 4, 7, 9, 34 dan 35 Akta ini, semua peruntukan Akta ibu sebelum dipinda di bawah seksyen itu hendaklah terus terpakai bagi maksud perenggan (a) dan (b).

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

39. (1) Seksyen 40, 48 dan 49 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

(2) Seksyen 42 dan 43 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

(3) Dalam teks bahasa kebangsaan, seksyen 47 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 September 2004.

Pindaan seksyen 9

40. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 9—

(a) dalam subseksyen (3), dengan memotong perkataan “person or”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Menteri boleh dalam apa-apa keadaan yang tertentu mengecualikan mana-mana orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini, sama ada secara am atau berkenaan dengan apa-apa pendapatan daripada suatu jenis tertentu atau golongan pendapatan daripada suatu jenis tertentu.”.

Pindaan seksyen 15

41. Seksyen 15 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Jika dalam sesuatu tahun taksiran—

- (a) apa-apa taksiran yang dibuat berkenaan dengan seseorang bagi mana-mana tahun taksiran yang telah ditentukan oleh mahkamah atas rayuan atau semakan; atau
- (b) apa-apa pengecualian yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah Akta ini yang telah ditarik balik kerana tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan dalam memberi pengecualian sedemikian,

Ketua Pengarah boleh, dalam tahun taksiran yang mula-mula disebut itu atau dalam masa enam tahun selepas tamat tempohnya membuat suatu taksiran berkenaan dengan orang itu bagi mana-mana tahun taksiran bagi maksud memberi kuat kuasa penentuan atau penarikan balik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

Pindaan seksyen 24

42. Subseksyen 24(6) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan noktah; dan
- (b) dengan memotong perkataan “dan jumlah wang yang dikehendaki bagi membuat pembayaran balik hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan”.

Seksyen baru 24A

43. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 24 seksyen yang berikut:

“Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik Cukai

24A. (1) Maka hendaklah dibayar dari semasa ke semasa ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 apa-apa amaun cukai yang dipungut di bawah Akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri.

(2) Wang daripada Kumpulan Wang yang disebut dalam subseksyen (1), hendaklah dipakai bagi membuat sesuatu pembayaran balik untuk suatu amaun cukai yang telah dibayar berlebihan atas amaun yang kena dibayar sebagaimana yang ditentukan dalam seksyen 24.

(3) Seksyen 14A Akta Tatacara Kewangan 1957 tidak terpakai bagi mana-mana pembayaran balik amaun berlebihan yang kena dibayar sebagaimana yang ditentukan dalam seksyen 24.”.

Pindaan seksyen 45

44. Seksyen 45 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Mana-mana pegawai yang dilantik di bawah undang-undang yang berhubungan dengan cukai pendapatan, boleh menjalankan apa-apa tugas Ketua Pengarah di bawah Akta ini (yang bukan suatu tugas yang kena dijalankan menurut perintah statut atau bukan suatu tugas yang kena dijalankan di bawah seksyen 46 dan 57).”;

(b) dengan memotong subseksyen (3) dan (4); dan

(c) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “di bawah subseksyen (4) oleh seorang Penolong Kanan Pengarah atau Penolong Pengarah” dengan perkataan “pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (2).”.

Pindaan seksyen 55

45. Seksyen 55 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan “, Pengarah Hasil Dalam Negeri, Sabah atau Pengarah Hasil Dalam Negeri, Sarawak,”.

Pindaan seksyen 56

46. Seksyen 56 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “, kepada Pengarah Hasil Dalam Negeri, Sabah, kepada Pengarah Hasil Dalam Negeri, Sarawak,”.

Pindaan Jadual 2

47. Dalam teks bahasa kebangsaan, Akta ibu dipinda dalam Jadual 2 dengan menggantikan subperenggan 3(g) dengan subperenggan yang berikut:

“(g) pelupusan mana-mana aset yang boleh dikenakan cukai menurut suatu skim kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara atau Suruhanjaya Sekuriti sebagai suatu skim yang mengikut prinsip Syariah, jika pelupusan itu menghendaki secara ketat bagi maksud mematuhi prinsip itu tetapi yang tidak dikehendaki bagi mana-mana skim kewangan yang lain.”.

Pindaan Jadual 3

48. Jadual 3 Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan 3.

Peruntukan kecualian dan peralihan

49. Jika sebelum mula berkuat kuasanya pindaan kepada perenggan 3 Jadual 3 Akta ibu di bawah seksyen 48 Akta ini seseorang individu dikecualikan atas apa-apa keuntungan yang terakru berkenaan dengan pelupusan suatu kediaman persendirian di bawah seksyen 8 Akta ibu yang kediaman—

(a) dimiliki oleh isteri individu itu—

- (i) pilihan yang telah dibuat oleh individu itu di bawah perenggan 9 Jadual 3 kepada Akta ibu hendaklah tidak diambil kira bagi maksud Akta ibu; dan
- (ii) maka tidak ada pengecualian selanjutnya berkenaan dengan pelupusan mana-mana kediaman persendirian yang lain isteri individu itu;

- (b) dimiliki oleh individu itu—
- (i) isteri individu itu berhak kepada pengecualian mengikut perenggan 9 Jadual 3 kepada Akta ibu; dan
 - (ii) maka tidak ada pengecualian selanjutnya berkenaan dengan pelupusan mana-mana kediaman persendirian yang lain individu itu; atau
- (c) dimiliki oleh individu itu dan isterinya secara bersesama, maka tidak ada pengecualian selanjutnya berkenaan dengan pelupusan mana-mana kediaman persendirian yang lain individu itu dan isterinya.”.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949

50. (1) Seksyen 51, 52, 53, 55 dan 56 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

(2) Seksyen 54 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

Pindaan seksyen 21

51. Akta Setem 1949, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam subseksyen 21(2) dengan memotong perkataan “or three ringgit as the case may require”.

Pindaan seksyen 43

52. Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 43(5)(b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) if it is stamped after the expiration of thirty days after it has been received in Malaysia, on payment in addition to the stamp duty of a penalty of—

- (i) twenty-five ringgit or five per centum of the amount of the deficient duty, whichever sum be the greater, if the instrument is stamped within three months after the time for stamping;

- (ii) fifty ringgit or ten per centum of the amount of the deficient duty, whichever sum be the greater, if the instrument is stamped later than three months but not later than six months after the time for stamping; or
- (iii) one hundred ringgit or twenty per centum of the amount of the deficient duty, whichever sum be the greater, in any other case.”.

Pindaan seksyen 80

53. Seksyen 80 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “instrument or”;
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:
 - “(1A) The Minister of Finance may in any particular case—
 - (i) exempt from duty any instrument which would otherwise be chargeable under this Act; or
 - (ii) reduce or remit the duties with which any instrument is chargeable”; dan
- (c) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “any instrument or”.

Seksyen baru 80A

54. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 80 seksyen yang berikut:

“Fund for Tax Refund

80A. (1) There shall be paid from time to time into the Fund established under section 111B of the Income Tax Act 1967 such amount of duty collected under this Act as may be authorized by the Minister.

(2) The money of the Fund referred to in subsection (1), shall be applied for the making of a refund of any duty or any other payment required to be made by the Collector under this Act.

(3) Section 14A of the Financial Procedure Act 1957 shall not apply to any refund of any duty or any other payment required to be made under this Act.

(4) Where the Collector is authorized or required by this Act to make any refund of any duty or any other payment required under this Act, he shall certify the amount of the sum to be refunded or paid and cause the refund or payment to be made forthwith.”.

Pindaan Jadual Pertama

55. Jadual Pertama Akta ibu dipinda dalam butiran 22 dengan memasukkan selepas subbutiran (5) subbutiran yang berikut:

“(6) Being the security for securing the payment or repayment of money for the purchase of goods (within the meaning given under the First Schedule of the Hire Purchase Act 1967) in accordance with the Syariah principle of *Al Bai Bithaman Ajil*. RM10.00”.

Pindaan Jadual Kelima

56. Jadual Kelima Akta ibu dipinda dalam perenggan 8 dengan menggantikan perkataan “Kuala Lumpur Stock Exchange” dengan perkataan “Bursa Malaysia”.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967

57. Seksyen 60 dan 64 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

Pindaan seksyen 2

58. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam perenggan 2(1)(a), dalam takrif “authorized officer” dengan menggantikan perkataan “(1), (2), (3) or (4)” dengan perkataan “(1) or (2)”.

Pindaan seksyen 39

59. Seksyen 39 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Where in a year of assessment—

- (a) any assessment made in respect of any chargeable person for any year of assessment has been determined by the court on appeal or review; or
- (b) any exemption granted to any chargeable person under this Act has been withdrawn for failing to comply with any condition imposed in granting such exemption,

the Director General may in the first mentioned year of assessment or within six years after its expiration make an assessment in respect of that chargeable person for any year of assessment for the purpose of giving effect to the determination or withdrawal, as the case may be.”.

Seksyen baru 50A

60. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 50 seksyen yang berikut:

“Fund for Tax Refund

50A. (1) There shall be paid from time to time into the Fund established under section 111B of the Income Tax Act 1967 such amount of tax collected under this Act as may be authorized by the Minister.

(2) The money of the Fund referred to in subsection (1), shall be applied for the making of a refund of an amount of tax paid in excess of the amount payable as ascertained in section 50.

(3) Section 14A of the Financial Procedure Act 1957 shall not apply to any refund in excess of the amount payable as ascertained in section 50.”.

Pindaan seksyen 69

61. Seksyen 69 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Any officer appointed under the law relating to income tax may exercise any function of the Director General under this Act (not being a function exercisable by a statutory order or a function exercisable under subsection 70(1) and section 82).”;

(b) dengan memotong subseksyen (3) dan (4); dan

(c) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “under subsection (4) by Senior Assistant or Assistant Director of Inland Revenue” dengan perkataan “under subsection (2) by the appointed officers.”.

Pindaan seksyen 77

62. Seksyen 77 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan “, the Director of Inland Revenue, Sabah, or the Director of Inland Revenue, Sarawak,”.

Pindaan seksyen 78

63. Seksyen 78 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “, to the Director of Inland Revenue, Sabah, to the Director of Inland Revenue, Sarawak,”.

Pindaan seksyen 81

64. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 81 dengan seksyen yang berikut:

“**81.** Where the Director General is authorized or required by this Act to make any refund or repayment, he shall certify the amount of the sum to be refunded or repaid and cause the refund or repayment to be made forthwith.”.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN
LUAR PESISIR LABUAN 1990**Pindaan seksyen 18**

65. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dipinda dalam subseksyen 18(1) dengan menggantikan perkataan “Timbalan Ketua Pengarah, Penolong Ketua Pengarah, Penolong Kanan Pengarah atau Penolong Pengarah, Hasil Dalam Negeri yang disebutkan dalam” dengan perkataan “mana-mana pegawai yang dilantik di bawah”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”) dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 (“Akta 445”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

2. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 53. Subseksyen baru (1A) dimasukkan supaya pendapatan kasar berkenaan dengan apa-apa hak untuk memperoleh syer dalam sesuatu syarikat dikenakan cukai dalam tahun yang hak itu dilaksanakan, diserahkan, dilepaskan atau diperoleh.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

3. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (1A) ke dalam seksyen 32 Akta 53. Pindaan itu bertujuan untuk memperuntukkan cara untuk menentukan pendapatan kasar seseorang daripada suatu penggajian berkenaan dengan apa-apa hak untuk memperoleh syer dalam sesuatu syarikat. Pendapatan kasar hendaklah terdiri daripada nilai pasaran syer pada masa hak itu boleh dilaksanakan atau nilai pasaran pada masa hak itu dilaksanakan, yang mana lebih rendah, ditolak amaun yang dibayar bagi syer itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

4. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan ke dalam Akta 53 perenggan baru 44(1)(e) untuk membenarkan suatu syarikat menuntut sebagai potongan, kerugian larasan syarikat berkaitan yang lain dalam menentukan jumlah pendapatannya.

Fasal 9 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 44(5A), (5B) dan (5C) ke dalam Akta 53. Pindaan itu memperuntukkan bahawa apa-apa amaun kerugian yang ditentukan bagi suatu tahun taksiran di bawah subseksyen 44(4) atau (5) Akta 53 tidak boleh didapatkan sebagai potongan di bawah seksyen 43 Akta 53 jika pemegang syer syarikat dalam tahun taksiran amaun itu ditentukan, adalah tidak sebahagian besarnya sama dengan pemegang syer syarikat dalam tahun taksiran itu akan didapatkan sebagai potongan di bawah seksyen itu. Kerugian yang tidak boleh didapatkan sebagai potongan tidak akan diambil kira untuk tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 9 juga bertujuan untuk menerangkan maksud “*substantially the same*” dalam subseksyen 44(5B) dan memperuntukkan bahawa dalam hal keadaan khas, Menteri boleh mengecualikan mana-mana syarikat daripada sekatan yang dikenakan di bawah subseksyen baru 44(5A) Akta 53.

Fasal 9 selanjutnya bertujuan untuk meminda subseksyen 44(8) Akta 53 untuk membenarkan sebagai potongan apa-apa hadiah dalam bentuk wang yang diberikan bagi penyediaan kemudahan perpustakaan dan kepada perpustakaan awam dan perpustakaan sekolah serta institusi pengajian tinggi.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan suatu peruntukan khas berkaitan seksyen 44 Akta 53. *Fasal* ini memperuntukkan bahawa apa-apa amaun kerugian yang ditentukan di bawah subseksyen 44(4) atau (5) Akta 53 sebelum tahun taksiran 2006 tidak boleh didapatkan sebagai potongan untuk tahun itu atau tahun-tahun taksiran yang berikutnya jika pemegang syer syarikat itu pada hari terakhir tempoh asas bagi tahun taksiran 2005 adalah tidak sebahagian besarnya sama dengan pemegang syer syarikat itu dalam tahun kerugian tersebut didapatkan sebagai potongan di bawah seksyen 43 Akta 53. Kerugian yang tidak boleh didapatkan sebagai potongan dalam suatu tahun taksiran tidak akan diambil kira bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 10 juga bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan, dalam hal keadaan khas, mana-mana syarikat daripada sekatan yang dikenakan di bawah peruntukan khas yang berkaitan dengan seksyen 44 Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

6. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 44A ke dalam Akta 53. Peruntukan baru itu membolehkan sesuatu syarikat menyerahkan lima puluh peratus daripada kerugian larasannya kepada syarikat berkaitannya tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen itu. Walau bagaimanapun, kedua-dua syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut mesti membuat pilihan untuk menyerahkan dan menuntut kerugian itu dalam borang penyata yang dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Kerugian yang diserahkan itu akan didapatkan sebagai potongan terhadap pendapatan agregat syarikat yang menuntut.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 45A Akta 53 bagi membolehkan seorang isteri menuntut sebagai potongan relief suaminya, yang suaminya tidak mempunyai punca pendapatan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

8. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 46 Akta 53 untuk meluaskan potongan persendirian bagi fi yang dibelanjakan untuk kursus berkenaan dengan undang-undang dan perakaunan sebagai tambahan kepada kursus yang sedia ada.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

9. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda subsekyen 48(3) Akta 53. Pindaan ini mengadakan peruntukan bagi memberikan potongan sebanyak empat ribu ringgit kepada seseorang individu yang mempunyai anak yang belum berkahwin berumur melebihi lapan belas tahun dan potongan tambahan sebanyak empat ribu ringgit bagi anak kurang upaya. Dalam kedua-dua keadaan, anak itu hendaklah sama ada meneruskan pengajiannya di pusat pengajian yang diluluskan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan atau berkhidmat di bawah artikel atau indentur dengan tujuan melayakkan diri dalam suatu perniagaan atau profesion.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

10. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 60 Akta 53. Pindaan yang dicadangkan kepada subperenggan (3A)(b)(ii) dan (4A)(b)(ii) Akta 53 adalah untuk memastikan bahawa pengiraan defisit aktuari berasaskan jumlah sebenar yang dipindahkan daripada dana pemegang saham kepada dana hayat dan supaya selaras dengan subperenggan (3A)(a)(iii) dan (4A)(a)(iii) Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

11. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 60F Akta 53. Pindaan yang dicadangkan ini, mentakrifkan “syarikat pemegangan pelaburan”. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 60F(1A) ke dalam Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa pendapatan pemegangan pelaburan bukan merupakan pendapatan daripada sumber perniagaan dan jika pendapatan itu selain pendapatan daripada pemegangan pelaburan pendapatan itu hendaklah tertakluk kepada perenggan 4(f).

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

12. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 60^{FA} ke dalam Akta 53. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa pendapatan suatu syarikat pemegang pelaburan yang disenaraikan di Bursa Malaysia yang terbit daripada pegangan pelaburan untuk tempoh asas bagi satu tahun taksiran merupakan pendapatan daripada punca atau punca-punca perniagaan bagi tahun taksiran tersebut. Pindaan selanjutnya memperuntukkan sekatan berkenaan kerugian dan elaun yang tidak boleh diserap untuk mana-mana tahun taksiran.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

13. *Fasal 18* bertujuan untuk memasukkan peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 60^{FA} ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, kerugian dan elaun yang tidak dapat diserap, sekiranya ada, oleh syarikat pemegang pelaburan yang disenaraikan di Bursa Malaysia sebelum kemasukan seksyen tersebut, akan terus diuruskan mengikut peruntukan seksyen 43 dan 44 Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

14. *Fasal 19* bertujuan untuk memasukkan perenggan (1)(b) ke dalam seksyen 75^A Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa seorang pengarah syarikat adalah juga bertanggung secara bersesama dan berasingan membayar cukai yang kena dibayar oleh syarikat tersebut atas kegagalan syarikat berkenaan memotong bagi tujuan cukai daripada setiap saraan pekerjanya dan untuk meremit potongan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

15. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (4) ke dalam seksyen 91 Akta 53. Subseksyen (4) yang dicadangkan, dimasukkan untuk memberi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri kuasa untuk membuat taksiran selepas tempoh enam tahun dalam hal taksiran ditentukan oleh mahkamah, atau atas apa-apa penarikan balik, pembatalan atau pengkenselan mana-mana pengecualian, relief, peremitan atau kebenaran.

16. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 95 Akta 53. Sebelum pindaan, Ketua Pengarah boleh mengetepikan membuat taksiran bagi suatu tahun taksiran yang cukai yang dikenakan kurang daripada dua puluh lima ringgit. Pindaan yang dicadangkan supaya selaras dengan sistem taksiran sendiri di mana tiap-tiap orang yang boleh dikenakan cukai dikehendaki mengemukakan borang penyata untuk setiap tahun taksiran dan borang penyata itu disifatkan suatu taksiran pada hari ia dikemukakan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

17. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda subseksyen 107c(3) Akta 53. Pindaan yang dicadangkan akan membolehkan sesebuah syarikat mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar untuk suatu tahun taksiran tidak kurang daripada lapan puluh lima peratus daripada anggaran yang disemak bagi cukai yang kena dibayar dalam tahun taksiran sebelumnya atau jika tiada anggaran disemak, tidak boleh lebih daripada lapan puluh lima peratus daripada anggaran cukai yang kena dibayar sebaik sebelum tahun taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

18. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda subseksyen 111B(3) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 111B Akta 53 digunakan bagi maksud membuat pembayaran balik yang dikehendaki dibuat di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

19. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda seksyen 127 Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, Menteri diberi kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang berkenaan dengan mana-mana pendapatan atau kelas pendapatan daripada cukai pendapatan di bawah Akta.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

20. *Fasal 26, 27, 28 dan 29* bertujuan untuk meminda masing-masingnya seksyen 134, 136, 146 dan 147 supaya selaras dengan perubahan terkini tentang nama gelaran yang hendak diperkenalkan dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

21. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda subseksyen 153(3) Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa akauntan profesional yang diberi kuasa oleh mana-mana undang-undang bertulis menjadi juruaudit suatu syarikat tidak semestinya seorang ejen cukai bagi maksud Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

22. *Fasal 31* bertujuan untuk memasukkan peruntukan khas berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 153 Akta 53. Dengan peruntukan yang dicadangkan, mana-mana akauntan profesional yang diberi kuasa menjadi juruaudit suatu syarikat sebelum pindaan kepada seksyen tersebut akan terus menjadi ejen cukai bagi maksud Akta 53.

23. *Fasal 32* bertujuan untuk memasukkan perenggan 19A Jadual 3 ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang telah melakukan perbelanjaan loji yang layak dalam mana-mana tahun taksiran berhubung dengan setiap aset yang tidak lebih daripada satu ribu ringgit pada nilai adalah berhak dalam tahun tersebut menuntut elaun bersamaan dengan amaun perbelanjaan modal tersebut yang telah dilakukan. Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan yang layak berhubung dengan aset tersebut untuk setiap tahun taksiran tidak boleh melebihi sepuluh ribu ringgit.

Fasal 32 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 75A, 75B dan 75C ke dalam Jadual 3 Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, elaun tahun semasa yang belum dibuat di bawah perenggan 75 Jadual 3 tidak boleh dituntut oleh sesebuah syarikat bagi maksud seksyen 42 Akta 53 jika pemegang saham syarikat dalam tahun taksiran elaun tersebut tidak dibuat bukan, sebahagian besarnya sama dengan pemegang saham syarikat dalam tahun taksiran elaun tersebut sebaliknya dibuat oleh syarikat itu. Amaun yang masih belum dibuat kepada syarikat tidak akan diambil kira bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 32 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan sesebuah syarikat daripada sekatan yang dikenakan di bawah perenggan-perenggan itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

24. *Fasal 33* bertujuan untuk memasukkan peruntukan khas yang berhubungan dengan perenggan 75A Jadual 3 Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, apa-apa elaun tahun semasa yang masih belum dibuat kepada sesuatu syarikat seperti yang ditentukan di bawah perenggan 75 Jadual 3 bagi mana-mana tahun taksiran sebelum tahun taksiran 2006 tidak boleh dibuat kepada syarikat itu bagi maksud seksyen 42 Akta 53, jika pemegang syer syarikat tersebut pada hari terakhir tempoh asas bagi tahun taksiran 2005 bukan sebahagian besarnya sama dengan pemegang syer syarikat itu pada hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran yang elaun tersebut sebaliknya dibuat kepada syarikat tersebut bagi maksud seksyen 42 Akta 53. Amaun yang belum lagi dibuat kepada syarikat tersebut tidak diambil kira untuk tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

25. *Fasal 34* dan *35* bertujuan untuk memotong Jadual 4A dan 4C Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

26. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda perenggan 32 Jadual 6 Akta 53. Dengan cadangan pindaan itu, amaun pendapatan yang dikecualikan berkenaan dengan bayaran royalti di bawah perenggan 32 Akta 53 dinaikkan daripada enam ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.

Fasal 36 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan diskaun sebagai suatu bayaran yang dikecualikan di bawah perenggan 35.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

27. *Fasal 37* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 6A Jadual 7A ke dalam Akta 53 untuk menentukan tempoh asas seseorang jika tempoh asas orang tersebut bertindih.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

28. *Fasal 38* merupakan peruntukan kecualian dan peralihan bertujuan untuk memastikan bahawa manfaat yang dinikmati oleh mana-mana orang di bawah Jadual 4A dan 4C Akta 53 tersebut sebelum pindaan akan diteruskan.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN
HARTA TANAH 1976

Bab III Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

29. *Fasal 40* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (3A) ke dalam seksyen 9 Akta 169, untuk memberi Menteri kuasa mengecualikan mana-mana orang daripada cukai berkenaan dengan mana-mana pendapatan atau kelas pendapatan di bawah Akta 169.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

30. *Fasal 41* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (3) ke dalam seksyen 15 Akta 169 untuk memberi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri kuasa untuk membuat taksiran selepas tempoh enam tahun taksiran itu ditentukan oleh mahkamah jika atau atas apa-apa penarikan balik mana-mana pengecualian.

31. *Fasal 42* bertujuan untuk meminda subseksyen 24(6) Akta 169 untuk memudahkan pembayaran balik cukai daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

32. *Fasal 43* bertujuan untuk memasukkan seksyen 24A ke dalam Akta 169 untuk mengadakan peruntukan bahawa Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 111B Akta 53 adalah digunakan bagi maksud membuat pembayaran balik sebagaimana yang dikehendaki dibuat di bawah Akta 169.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

33. *Fasal 44, 45 dan 46* bertujuan untuk meminda masing-masingnya seksyen 45, 55 dan 56 Akta 169 supaya selaras dengan perubahan terkini nama gelaran yang diperkenalkan dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

34. *Fasal 48* bertujuan untuk memotong perenggan 3 Jadual 3 Akta 169. Dengan pindaan yang dicadangkan itu, setiap individu pemastautin dan warganegara Malaysia adalah layak memilih untuk menikmati pengecualian ke atas pelupusan kediaman persendirian.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

35. *Fasal 49* merupakan peruntukan kecualian dan peralihan berbangkit daripada pindaan perenggan 3 Jadual 3 Akta 169. Dengan pindaan yang dicadangkan itu, pilihan yang dibuat oleh suami berkenaan kediaman persendirian yang dimiliki oleh isterinya tidak diambil kira dan isteri tidak akan layak menikmati pengecualian tambahan berkenaan dengan kediaman persendirian lain yang dimilikinya. Selanjutnya, tiada pengecualian diberikan kepada sama ada suami atau isteri, jika suami telah membuat pilihan berkenaan dengan kediaman persendirian yang dimiliki secara bersesama oleh kedua-dua suami dan isteri.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949.

36. *Fasal 51* bertujuan untuk meminda subseksyen 21(2) Akta 378. Dengan pindaan yang dicadangkan itu, jika duti *ad valorem* tidak kena dibayar di bawah subseksyen itu, suatu kontrak atau perjanjian adalah hanya tertakluk kepada duti tetap sebanyak sepuluh ringgit.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

37. *Fasal 52* bertujuan untuk meminda perenggan 43(5)(b) Akta 378 untuk menyeragamkan penalti yang dikenakan ke atas mana-mana cek atau nota janji hutang yang ditunaikan atau dibuat di luar Malaysia ke atas penalti surat cara tidak berselem.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

38. *Fasal 53* bertujuan untuk meminda seksyen 80 Akta 378 untuk memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan, mengurangkan atau meremitkan duti terhadap mana-mana surat cara yang boleh dikenakan duti di bawah Akta 378.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

39. *Fasal 54* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 80A ke dalam Akta 378 untuk memudahkan pembayaran balik atau apa-apa bayaran yang dikehendaki dibuat oleh Pemungut Duti Setem daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

40. *Fasal 55* bertujuan untuk memasukkan subbutiran baru 22(6) ke dalam Jadual Pertama Akta 378. Dengan pindaan yang dicadangkan itu, suatu surat cara bagi pembelian barang-barang di bawah prinsip Syariah *Al Bai Bithaman Ajil* adalah tertakluk kepada duti tetap sebanyak RM10.00.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

41. *Fasal 56* bertujuan untuk meminda perenggan 8 Jadual Kelima Akta 378 untuk menukarkan nama Bursa Saham Kuala Lumpur kepada Bursa Malaysia.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

42. *Fasal 58* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 543 supaya selaras dengan perubahan terkini tentang nama gelaran yang telah diperkenalkan dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

43. *Fasal 59* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (4) ke dalam seksyen 39 Akta 543, untuk memberi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri kuasa untuk membuat taksiran selepas tempoh enam tahun taksiran itu ditentukan oleh mahkamah atau atas mana-mana penarikan balik apa-apa pengecualian.

44. *Fasal 60* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 50A ke dalam Akta 543 untuk memudahkan pembayaran balik yang dikehendaki dibuat di bawah Akta 543 daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

45. *Fasal 61, 62 dan 63* bertujuan untuk meminda masing-masingnya seksyen 69, 77 dan 78 Akta 543 supaya selaras dengan perubahan terkini nama gelaran yang telah diperkenalkan dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

46. *Fasal 64* bertujuan untuk meminda seksyen 81 Akta 543 berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 50A.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN
LUAR PESISIR LABUAN 1990

Bab VI Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

47. *Fasal 65* bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 445 supaya selaras dengan perubahan terkini nama gelaran yang telah diperkenalkan dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

AM

48. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2507]